




الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*EDISI 1
OKTOBER 2024*



BULETIN
UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR
EDISI 1 OKTOBER 2024

Diterbitkan oleh:
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
70300 Seremban
Negeri Sembilan
Tel : 606-6342000
Faks : 606-6335812

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis.

PENAFIAN:

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 3030-6752
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan 2 kali setahun
@2024 Hakcipta Terpelihara

SIDANG REDAKSI

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

Penasihat

Encik Mohd Ikmal bin Abd Halim

Ketua Editor

Puan Saflina binti Azis

Editor

Datin Dr Nor Syamaliah binti Ngah
Dr Muhammad Aiman bin Awaluddin
Puan Nazratul Nisa binti Eshak
Tuan Mohd Fakarul bin Mohd Radzi
Encik Ts. Saiful Hasbullah bin Abdul Majid

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
---------	------------

Staf Unit Residen & Hospitaliti Pelajar	1
Staf Residen Kolej	2
Jawatankuasa Perwakilan Kolej	3
Kalender URHP	4
Staf Residen Kolej: Teman Setia Pelajar di Kampus?	6
Kepimpinan Pelajar di Kampus	7
Laporan Aktiviti:	
• <i>Aerozest</i>	8
• <i>Program Demo Debat</i>	10
• <i>FSPP Fun Run</i>	11
• <i>Futsal Antara Aras</i>	14
• <i>One Hour Clean Up 2024</i>	15
• <i>JPK Cup eFootball</i>	17
• <i>Permainan Nostalgia</i>	19
• <i>Karisma XXIX 2024</i>	21
• <i>Sua Sapa Salam Kolej</i>	23
• <i>Latihan Kebakaran</i>	25
• <i>JPK Bekpes</i>	27
• <i>JPK Frostik</i>	29
• <i>Baju Kolej Sesi Mac 2024</i>	31
Program Tidak Dapat Dilaksanakan	34

UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR



STAF UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN



MOHD IKMAL BIN ABD HALIM
Pengurus Asrama Kanan



ABDUL RANI BIN HASHIM
Penolong Pengurus Asrama Tertinggi



NAZRATUL NISA BINTI ESHAK
Penolong Pengurus Asrama Kanan



SHHRIZAL BIN MOHD SHAH
Penyelia Asrama Kanan



MOHAMAD ZAMRI BIN ABU HASSAN
Penyelia Asrama

STAF RESIDEN KOLEJ



STAF RESIDEN KOLEJ UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN



PUAN SAFLINA BINTI AZIS

Pensyarah Kanan FPN
Bendahara Skudai 1
019-6969966



**PUAN NAZRATUL NISA
BINTI ESHAK**

Penolong Pengurus Asrama Kanan
Mayang Selida 4
016-9259679



**TUAN MOHD FAKARULRADZI BIN
MAHADI**

Pegawai Keselamatan Kanan
Bendahara Skudai 4
019-2689296



**DATIN DR. NOR SYAMALIAH BINTI
NGAH**

Pensyarah Kanan FSPPP
Mayang Selida 2
013-3335599



TC. SAIFUL HASBULLAH BIN ABDUL MAJID

Penolong Jurutera Kanan
Mayang Selida 3
013-3433066



DR. MUHAMMAD AIMAN BIN AWALUDDIN

Pensyarah Kanan FSPPP
Bendahara Skudai 3
013-3604102

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ



JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ UİTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN



YANG DI-PERTUA

Muhammad Hakim
016-9371245



SETIAUSAHA AGUNG

Syasya Husna
011-29702479



HAIB YANG DI-PERTUA

Nur Aqmar
011-11553318



BENDAHARI KEHORMAT

Luqman Al-Hakim
019-3268078



EXCO KORPORAT & PERHUBUNGAN LUAR

Aliff Roslinda Insyiraah
011-23875374 013-5584574 011-58506241



EXCO MULTIMEDIA & PUBLISITI

Hariz Izzati Hazirah Aina
018-4748081 011-19045133 017-6960930 016-7449645



EXCO EKONOMI & KEUSAHAWANAN

Asyraf Zulhilmi Aisyah
018-7724550 011-60554917 016-6662273



EXCO PEMBANGUNAN & KEBAIKATAN

Aiman Syah Husna
014-7200387 011-28362879 019-5193264

KALENDER UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

AKTIVITI / PROGRAM	TARIKH
Lantikan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPK) Sesi 2024	1 Februari 2024
Perbincangan Bersama Timbalan Rektor HEP – Karisma 2024	2 Februari 2024
Perjumpaan JPK Bersama Staf Residen Kolej (SRK)	7 Februari 2024
Mesyuarat Koordinasi Penginapan Karisma 2024	14 Februari 2024
Pendaftaran Masuk Penginapan Peserta Karisma 2024	23 – 25 Februari 2024
Pendaftaran Keluar Penginapan Peserta Karisma 2024	2-4 Mac 2024
Bengkel Tatatertib Pelajar	27 Mac 2024
Pendaftaran Awal Kolej Bagi Pelajar Baharu dan Lama Sesi Mac – Ogos 2024	1-5 April 2024
Hebahan Akhir Maklumat Permohonan Pengecualian dan Pengurangan Bayaran Kolej Kediaman dan Bantuan Elaun Makan eInsentif	16 April 2024
Hebahan Memo Pendaftaran Peralatan Elektrik Sesi Mac – Ogos 2024	22 April 2024
Program Sua Sapa Salam Kolej	22-23 April 2024
Mesyuarat Penyambungan SRK	24 April 2024
Majlis Mesra Raya Keluarga URHP	26 April 2024
Perjumpaan Majlis Tertinggi JPK Bersama TNC HEP	1 Mei 2024
Program UiTM Berselawat Menghayati Lebaran & Ramah Mesra Aidilfitri 1445H Peringkat UiTM Kampus Seremban	7 Mei 2024 (Kolaborasi UHEI)
Lawatan Pejabat Kesihatan Daerah ke Kolej Kediaman	8 Mei 2024
Program Permainan Nostalgia	12 Mei 2024
Pendaftaran / Pemeriksaan Peralatan Elektrik Sesi Mac – Ogos 2024	13-17 Mei 2024
Perkhidmatan <i>Fogging</i> di kolej kediaman	14-16 Mei 2024
Demo Debat 2024	21 Mei 2024

AKTIVITI / PROGRAM	TARIKH
Hebahan Pekeliling TNC Bil. 6 2024: Pemakluman Meninggalkan Bilik Kediaman Sempena Cuti Pertengahan Semester Sesi Mac – Ogos 2024	21 Mei 2024
Perjumpaan Ketua SRK Bersama MT JPK	22 Mei 2024
Program Latihan Pengungsian Bangunan (<i>Fire Drill</i>) di Kolej Kediaman	23 Mei 2024 (BMES)
Program Futsal Antara Aras	15 Jun 2024
Perjumpaan bersama SRK dan JPK	24 Jun 2024
<i>Bomba Fire Certificate</i>	25 Jun 2024 (BMES)
Hebahan Pekeliling TNC Bil. 8 2024: Tarikh Penting Permohonan dan Rayuan Kolej Kediaman bagi Pelajar Pra Diploma, Diploma dan Sarjana Muda Sesi Oktober 2024 – Februari 2025	28 Jun 2024
Hebahan Pekeliling TNC Bil.7 2024: Proses Daftar Keluar (Clearance) Kolej Kediaman Sempena Cuti Semester Sesi Mac – Ogos 2024	2 Julai 2024
Lawatan ke Bilik Pelajar	2 Julai 2024
Jamuan JPK 2024	5 Julai 2024
Mesyuarat Penyambungan SRK	23 Julai 2024
Pemeriksaan Bilik Pelajar	8 Ogos 2024
Perjumpaan Ketua SRK Bersama JPK	9 Ogos 2024
Lantikan JPK (Gantian) – 3 orang	10 Ogos 2024
Jamuan Makan SRK, JPK	11 Ogos 2024
Seminar Staf Residen Kolej dan Non-Resident UiTM Se-Malaysia	17-19 September 2024
Siri Townhall Pengurusan Kolej dan Non-Resident Sesi Oktober 2024/2025	19 September 2024
<i>JPK Frostick</i>	Isnin, Rabu dan Jumaat Sesi Mac – Ogos 2024
JPK Bekpes	Sabtu Sesi Mac – Ogos 2024

STAF RESIDEN KOLEJ: TEMAN SETIA PELAJAR DI KAMPUS?

Safina Azis & Mustafa Kamal Mat

Kehidupan di kolej kediaman adalah salah satu aspek penting dan paling menarik dalam perjalanan kehidupan sebagai seorang mahasiswa. Di universiti mereka bukan hanya belajar mencapai kecemerlangan akademik, tetapi juga belajar untuk berdikari dan menjalin hubungan sosial yang agar lebih bermakna. Dalam perjalanan ini, salah seorang individu yang tidak patut dilupakan ialah staf residen kolej.

Di Universiti Teknologi MARA, staf residen kolej merupakan individu yang bertanggungjawab menjaga kebajikan dan mengawasi keselamatan mahasiswa di kolej kediaman. Daripada menguruskan hal ehwal harian sehinggalah merancang pelbagai aktiviti sosial, mereka berperanan bagi memastikan keselesaan dan keharmonian mahasiswa di kolej kediaman terjaga, terutama bagi yang baru pertama kali berjauhan dari keluarga.



Di kolej kediaman, pelbagai program dirancang staf residen kolej dengan kerjasama jawatankuasa mahasiswa. Aktiviti-aktiviti seperti festival kolej, sukan mini, dan sesi perkongsian ilmu bukan sahaja membantu memupuk semangat kerjasama, tetapi juga membuka ruang untuk mahasiswa mengasah kemahiran kepimpinan. Mahasiswa belajar bekerja di dalam kumpulan dan cara berkomunikasi lebih baik bersama rakan baharu. Kemahiran berharga ini bukan hanya penting di universiti, malah sangat berguna untuk diaplikasi di alam pekerjaan nanti.

Setiap langkah dalam perjalanan ini, staf residen kolej adalah teman penyokong yang tak ternilai harganya. Mereka bukan sahaja membantu mahasiswa untuk menyesuaikan diri, tetapi juga membimbing mahasiswa menjadi individu yang lebih bertanggungjawab dan berdikari. Dengan bimbingan dan sokongan staf residen kolej ini, mahasiswa dapat melayari pengalaman di universiti dengan keyakinan yang lebih tinggi, bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran di luar sana.

Buat mahasiswa yang sedang menjalani kehidupan di kolej kediaman, jangan pernah ragu untuk mendekati staf residen kolej. Manfaatkan segala peluang untuk berinteraksi, sertai semua aktiviti yang dianjurkan, dan kongsilah apa sahaja yang mengganggu fikiran. Kehidupan kampus pasti akan menjadi lebih bermakna dengan sokongan yang diterima daripada staf residen kolej.

Akhir kata, mari kita hargai dan sokong peranan besar staf residen kolej ini. Mereka adalah teman seperjuangan yang berharga, dapat membantu mahasiswa merealisasikan impian dan mencapai kejayaan. Bersama-sama mereka, mahasiswa boleh membina komuniti kampus yang lebih erat dan menyokong di antara satu sama lain.

KEPIMPINAN PELAJAR DI KAMPUS

Mustafa Kamal Mat & Saflina Azis

Di tengah-tengah hiruk-pikuk kehidupan kampus
Berkumpul suara muda penuh harapan dan impian
Pemimpin pelajar bintang yang bersinar
Membawa cahaya, menerangi jalan yang samar

Dengan langkah berani, mereka melangkah maju
Menggenggam visi, mengukir cita-cita yang luhur
Dalam persatuan, mereka teguh berdiri
Menjalin ikatan, membina komuniti yang harmoni

Suara mereka bergema di dewan kuliah,
Menggugah semangat, menyalakan api perjuangan
Menyuarakan hak, membawa perubahan
Kepimpinan pelajar, suara generasi masa depan

Di balik senyuman dan tawa ceria
Ada tanggungjawab yang tidak pernah pudar
Mendengar rintihan teman yang tertekan
Memberi sokongan dalam setiap langkah perjalanan

Dalam setiap program dan aktiviti yang dirancang
Mereka belajar erti kerjasama dan pengorbanan
Menjadi pemimpin bukan hanya pada nama
Tetapi pada tindakan dan kasih sayang yang nyata

Kepimpinan pelajar di kampus ini indah
Membentuk karakter dan jati diri yang padu
Dengan semangat juang yang takkan padam
Mereka adalah harapan bangsa, masa depan yang cerah

Di bawah bintang-bintang malam yang berkelipan
Mereka merancang masa depan dengan penuh keyakinan
Setiap langkah mereka adalah jejak perubahan
Menggapai mimpi dalam satu visi dan misi

Bersama-sama kita raikan keberanian ini
Satu suara dalam melangkah ke arah kejayaan abadi
Kepimpinan pelajar bukan sekadar tugas semata-mata
Ia adalah panggilan jiwa untuk mencipta sejarah

Dalam setiap detik perjalanan ini kita lalui
Kepimpinan pelajar adalah inspirasi sejati
Mereka adalah cahaya dalam kegelapan malam
Membawa harapan baru bagi setiap insan

AEROZEST

Nur Aqmar Anuar & Nor Syamaliah Ngah



Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP) dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dengan bangganya telah menganjurkan sebuah program kolaborasi **AEROZEST** yang bertemakan *Healthy Body Healthy Mind* pada 20 Jun 2024. Program yang berlangsung di kawasan perkarangan parkir hadapan Kolej Puteri Mayang Selida ini telah berjaya menarik penyertaan lebih daripada 200 pelajar daripada pelbagai fakulti. Peruntukan yang telah diluluskan dan digunakan untuk program ini adalah RM100.

Program ini merupakan inisiatif untuk menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan warga kampus dengan menyertai aktiviti senaman dan aerobik secara berkumpulan. Program ini diadakan pada waktu petang, bermula tepat jam 5.00 petang dengan tujuan memberikan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan fizikal dan mental melalui aktiviti riadah yang santai dan menyeronokkan.

Selain daripada sesi senaman, peserta yang hadir juga berpeluang untuk memperoleh e-merit kolej, yang akan memberi manfaat dalam pencapaian ko-kurikulum mereka serta tingkatkan kebarangkalian mereka untuk menginap di kolej pada semester hadapan. Program ini juga turut mendapat sokongan penuh daripada pihak kolej dan persatuan pelajar yang turut terlibat dalam penganjuran iaitu rakan kolaborasi, Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP). Program ini bukan sahaja



berjaya mencapai matlamatnya untuk

mempromosikan kesihatan fizikal dan mental, malah juga berjaya memperkukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan pelajar. Program ini telah menunjukkan komitmen



UiTM Kampus Seremban dalam mendorong warga kampusnya untuk menjalani gaya hidup yang lebih aktif dan sihat.

Suasana harmoni dan semangat kesukanan dalam kalangan pelajar yang menyertai program **AEROZEST**. Program ini bukan sahaja menyediakan peluang untuk pelajar menjaga kesihatan fizikal mereka, tetapi juga

mengukuhkan ikatan persahabatan dan kerjasama di kalangan mereka. Pelajar-pelajar yang terlibat kelihatan ceria dan bersatu hati, mencerminkan matlamat program ini untuk mempromosikan gaya hidup sihat di samping membina minda yang positif.

Aktiviti seperti senam aerobik membantu pelajar mengekalkan gaya hidup sihat dengan menggalakkan aktiviti fizikal yang berterusan. Senaman ini mampu membakar kalori, meningkatkan stamina dan membantu mengekalkan berat badan yang sihat. Kesihatan fizikal yang baik juga mengurangkan risiko penyakit kronik seperti obesiti, diabetes dan penyakit jantung.

Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang aktif secara fizikal cenderung mempunyai prestasi akademik yang lebih baik. Aktiviti fizikal meningkatkan aliran darah ke otak dan memperbaiki fungsi kognitif, yang seterusnya membantu dalam tumpuan, ingatan dan pembelajaran. Ini bermakna aktiviti seperti ini bukan sahaja bermanfaat untuk kesihatan, tetapi juga untuk pencapaian akademik pelajar.



Secara keseluruhannya, program seperti ini memberikan impak yang sangat positif kepada komuniti universiti, membantu membina pelajar yang seimbang dari segi fizikal, mental dan sosial. Aktiviti ini bukan sahaja menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan individu, tetapi juga memperkukuhkan komuniti kampus secara keseluruhan.

PROGRAM DEMO DEBAT 2024

Naz Asyraf Mohammad Nazarul, Noor Insyiraah Mohd Imran & Nazratul Nisa Eshak




Program perdebatan yang penuh semangat ini telah berlangsung di Dewan Kuliah Toh Puan Sungai Ujong 1 (DK TPSU1) pada hari Selasa, 21 Mei 2024, dengan jayanya di bawah penganjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Zon Selatan. Program ini dikenali sebagai Demo Debat dan telah menarik minat seramai 304 peserta dari kalangan pelajar yang bersemangat untuk menunjukkan bakat serta kemahiran mereka dalam arena perdebatan dan seramai 22 orang ahli jawatankuasa program.

Program ini dijalankan dengan objektif utama untuk memberi pencerahan kepada mahasiswa berkenaan



ilmu debat. Program ini dapat membuka minda mahasiswa untuk melontarkan idea



serta cara pemikiran yang lebih kritis. Selain itu, ia juga dapat membantu mahasiswa di dalam sifat kepimpinan

dan mengasah kemahiran bercakap.

Program dimulakan dengan bacaan doa, ucapan aluan dan pengenalan ringkas program Demo Debat ini. Pada jam 8.30 p.m – 9.50 p.m sesi perdebatan utama bermula, di mana dua kumpulan pelajar berdebat mengenai topik yang telah ditetapkan yang merupakan acara kemuncak. Setelah tamat sesi perdebatan, panel



hakim memberikan ulasan serta maklum balas mengenai prestasi peserta.



Setelah itu pada jam 10.00 p.m – 10.10 p.m, sesi penyampaian hadiah diadakan bagi memberi penghargaan kepada peserta debat, telah disampaikan oleh Dr Mohamad Firdaus Bin Ahmad. Program ini diakhiri dengan sesi bergambar bersama tetamu VIP, peserta dan penganjur sebagai kenangan. Hadiah yang diberikan merupakan sebahagian daripada bajet kewangan. Sejumlah RM372.00 telah

diperuntukkan untuk program ini, yang mana bajet ini turut merangkumi perbelanjaan makan dan minum serta bahan-bahan peralatan yang diperlukan sepanjang program berlangsung.

Secara keseluruhannya, Demo Debat berjaya mencapai objektifnya dengan cemerlang. Program ini bukan sahaja menyediakan platform untuk pendedahan berkaitan perdebatan. Dengan penyertaan yang aktif dan penuh semangat daripada para peserta, program ini telah membuktikan bahawa perdebatan merupakan sebuah program yang berimpak di dalam kalangan mahasiswa UiTM.



Dalam penutupannya, penganjur program mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, terutama sekali kepada pendebat dan ahli jawatankuasa yang telah menunjukkan dedikasi mereka. Diharapkan program seperti ini akan terus diadakan pada masa hadapan untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar untuk terlibat dan mendapat manfaat daripada aktiviti yang mencabar minda seperti ini.

FSPP FUN RUN

Muhammad Hakim Abu Bakar & Muhammad Syah Ikmal Sujidin

Pada 8 Jun 2024 yang lalu, UiTM Kampus Seremban dimeriahkan dengan acara *FSPP Fun Run*, satu program yang dianjurkan dengan kerjasama erat di antara Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan pelajar Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (AM228). Program ini berjaya menarik minat seramai 150 orang pelajar sebagai peserta program, dengan objektif utama untuk memberikan pendedahan kepada peserta program mengenai pengendalian acara besar serta membentuk mahasiswa yang aktif, sihat, dan cergas.

Program ini bermula seawal pagi dengan sesi senamrobik yang penuh semangat. Sesi ini dikendalikan oleh AJK Senamrobik yang terdiri daripada ahli JPK dan Sekretariat Jawatankuasa Perwakilan Kolej (SJPK). Aktiviti senamrobik ini bertujuan untuk memanaskan badan peserta sebelum memulakan larian. Dengan iringan muzik yang rancak, para peserta kelihatan bersemangat menyertai setiap pergerakan, menjadikan suasana lebih ceria dan energik. Ini merupakan permulaan yang baik untuk program yang menjanjikan banyak keseronokan dan penglibatan aktif.



Setelah sesi senamrobik, acara utama iaitu larian fun run dimulakan. Laluan larian meliputi Kawasan di sekitar UiTM Kampus Seremban, memberikan peserta peluang untuk menikmati pemandangan kampus sambil berlari. Larian ini bukan sahaja bertujuan untuk mencergaskan tubuh badan tetapi juga mengeratkan hubungan di antara pelajar. Sepanjang larian, terdapat pelbagai stesen yang disediakan oleh AJK untuk memastikan peserta melalui laluan yang telah ditetapkan. Apabila larian tamat, acara diteruskan dengan sesi bermain serbuk pewarna, yang menjadi kemuncak program. Para peserta, tanpa mengira usia, bersemangat menyertai aktiviti ini. Serbuk pewarna beraneka warna dilemparkan ke udara, memberikan suasana yang penuh dengan keceriaan dan warna-warni. Kegembiraan terpancar di wajah setiap peserta, menjadikan aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan, tetapi juga menjadi simbolik kepada perpaduan dan semangat komuniti di kalangan pelajar UiTM.



Selain daripada acara fizikal, program ini juga menawarkan elemen kejutan melalui sesi cabutan bertuah. Hadiah-hadiah menarik telah disediakan untuk memeriahkan lagi suasana, dengan penasihat program sendiri turun padang untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang. Sesi ini bukan sahaja menambah keseronokan, tetapi juga menghargai penyertaan aktif pelajar dalam program.

Tidak dilupakan, tanggungjawab sosial turut diterapkan dalam program ini. Sebelum program berakhir, semua AJK program berkumpul untuk menjalankan aktiviti membersihkan kawasan parking kolej yang kotor akibat serbuk pewarna yang digunakan dalam aktiviti sebelumnya. Langkah ini diambil untuk memastikan kebersihan kampus tetap terjaga walaupun selepas acara yang penuh warna-warni. Ini merupakan satu langkah yang wajar dipuji, kerana ia menunjukkan sikap tanggungjawab dan kepedulian terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar. Walaupun dana yang digunakan agak terhad iaitu hanya sebanyak RM286, ia mencukupi untuk menampung kos makanan dan keperluan program lain. Dengan perancangan kewangan yang teliti, penganjur berjaya memastikan semua aktiviti berjalan lancar tanpa mengabaikan aspek keselesaan peserta.

Program ini tidak hanya berjaya mencapai matlamatnya dari segi mempromosikan kesihatan fizikal, tetapi juga membangunkan kemahiran pengurusan dan kepimpinan dalam kalangan pelajar yang terlibat. Para AJK, yang bertanggungjawab dalam pelbagai aspek program ini, memperoleh pengalaman berharga yang akan membantu mereka dalam pengurusan acara pada masa hadapan.

Dari aspek logistik, komunikasi, hingga ke

pengurusan bajet, setiap elemen telah diuruskan dengan baik, membuktikan kemampuan mahasiswa UiTM dalam menjalankan program yang berkualiti.



Secara keseluruhan, *FSPP Fun Run 2024* bukan sahaja meninggalkan kenangan manis kepada semua yang terlibat tetapi juga membuktikan bahawa dengan kerjasama yang erat, perancangan yang rapi, dan komitmen yang tinggi, sesuatu program boleh dilaksanakan dengan jayanya walaupun dengan bajet yang terhad. Program ini telah berjaya mencapai matlamat utamanya dalam membina mahasiswa yang aktif, cergas, bertanggungjawab, serta mempunyai semangat kepimpinan yang tinggi. Semoga program seperti ini terus dianjurkan pada masa akan datang untuk manfaat yang lebih besar kepada komuniti kampus UiTM.

FUTSAL ANTARA ARAS

Nur Husna Hasnan, Mohamad Aliff Suhaimi & Saiful Hasbullah Abdul Majid



Program Futsal Antara Aras yang telah berlangsung pada 15 Jun 2024 di Gelanggang Futsal UiTM Kampus Seremban ini telah dimeriahkan dengan penyertaan seramai 7 buah pasukan.

Program anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) ini telah berjaya memupuk semangat kesukanan yang tinggi melalui permainan futsal yang sudah tentu menjadi fenomena di kalangan generasi muda tidak kira jantina. Selain itu, program ini juga turut menyediakan pulangan hadiah lumayan kepada para pemenang.



Kos yang diperuntukkan untuk menjayakan program ini adalah sebanyak RM310. Peruntukan ini telah digunapakai bagi membeli barang keperluan program,

makanan AJK dan juga hadiah bagi peserta.

Seramai 17 orang JPK telah dilibatkan dan juga dibantu oleh sekretariat JPK seramai 16 orang yang sukarela menawarkan diri bagi memberi sumbangan tenaga dan idea



terhadap program JPK ini.

Alhamdulillah dengan sumbangan tenaga ini program berjaya dilaksanakan dengan lancar walaupun berlakunya hujan renyai-renyai ketika proses pendaftaran.

Program ini dapat membudayakan amalan sukan dan budaya hidup sihat di kalangan para pelajar. Ia juga sebagai anjakan paradigma ke arah pemerkaasaan kesihatan mental dan fizikal pelajar.

ONE HOUR CLEAN UP

Nur Husna Hazirah Mohd Ismail & Nur Aqmar Anuar



Satu program gotong-royong bertemakan *One Hour Clean Up* telah berjaya dilaksanakan pada 21 Jun 2024 yang lalu, dengan penuh semangat kerjasama dan kesedaran sivik di kalangan penghuni kolej kediaman. Program ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Program Siswa Sihat (PROSIS) dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), Jawatankuasa Perwakilan Non-Resident (JPNR), Unit Kesihatan & Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Seremban, serta Unit Promosi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Seremban. Sebanyak RM700 telah diluluskan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar UiTM Kampus Seremban untuk menjayakan program ini.



Program *One Hour Clean Up* merupakan penjenamaan semula kempen cari dan musnah bagi menangani masalah denggi yang giat dijalankan di seluruh Malaysia. Oleh itu, program ini bertujuan untuk mengenal pasti kawasan sekitar kampus khususnya di kawasan kediaman pelajar yang berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan jentik-jentik dan nyamuk aedes, yang menjadi punca utama kepada penularan wabak denggi. Ia merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya menjaga kebersihan persekitaran dan kesihatan umum dalam kalangan warga kampus, termasuk pelajar, staf, dan komuniti setempat.

Program ini bermula seawal jam 8:00 pagi dengan penyertaan lebih 50 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan warga kampus. Mereka berkumpul di Dewan Kuliah Tok Puan Sungei Ujong 2, UiTMCNS Kampus Seremban sebelum diarahkan ke zon-zon yang telah ditetapkan untuk membersihkan kawasan tersebut. Setiap zon diselia oleh wakil-wakil peserta dari pelajar UiTMCNS Kampus Seremban, JPK, dan JPNR oleh staf Unit promosi PKD Seremban bagi memastikan aktiviti pembersihan berjalan dengan lancar dan berkesan.



Kelengkapan seperti kit jentik-jentik, sarung tangan, dan beg plastik untuk mengumpul sampah serta menghapuskan tempat pembiakan jentik-jentik disediakan oleh pihak PKD Seremban. Antara kawasan yang difokuskan termasuk kawasan kediaman pelajar, taman-taman kecil, longkang, dan kawasan berhampiran medan makan serta rumah sampah.



Unit Promosi PKD Seremban turut memainkan peranan penting dengan memberikan taklimat ringkas sebelum aktiviti bermula. Taklimat ini merangkumi cara-cara mengenal pasti tempat pembiakan jentik-jentik, kepentingan menghapuskan bekas air yang tidak diperlukan, serta kaedah-kaedah pencegahan yang boleh diamalkan untuk mengurangkan risiko pembiakan nyamuk aedes. Usaha ini dilihat sebagai langkah proaktif dalam memastikan UiTMCNS Kampus Seremban bebas dari wabak denggi dan penyakit yang berkaitan dengan nyamuk yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Pada penghujung program, semua peserta kembali berkumpul untuk sesi bergambar sebagai kenangan dan penghargaan atas usaha yang dicurahkan. Wakil daripada PROSIS turut menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan menekankan bahawa inisiatif ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab bersama untuk menjaga kesihatan komuniti.



JPK CUP e-FOOTBALL

Muhamad Zulhilmi Zulkifli, Hariz Hafie Syid Awaludin Indera & Mohd Fakarulradzi Mahadi



Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Seremban telah menganjurkan pertandingan JPK CUP e-Football pada 18 Mei 2024, jam 9:00 pagi bertempat di Bilik Gerakan JPK. Acara ini dianjurkan oleh JPK UiTMCNS Kampus Seremban dengan bajet keseluruhan sebanyak RM300, dan disokong sepenuhnya oleh pihak universiti.



Pertandingan ini terbuka kepada 32 peserta terawal yang mendaftar, dan menawarkan hadiah wang tunai kepada pemenang dengan jumlah keseluruhan RM160. Hadiah bagi pemenang tempat pertama adalah RM80, tempat kedua RM50, dan tempat ketiga RM30. Selain itu, pemenang juga akan menerima e-merit kolej sebagai penghargaan tambahan.



Dengan bajet yang diperuntukkan sebanyak RM300, sebahagian daripadanya digunakan untuk hadiah pemenang, manakala selebihnya disalurkan untuk persiapan dan pengurusan acara. JPK berharap agar acara ini dapat menarik minat lebih ramai pelajar untuk menyertai aktiviti sukan digital, selain mengeratkan hubungan silaturahim antara warga kampus.

Acara ini telah menarik minat ramai pelajar yang hadir untuk menyertai dan menyaksikan pertandingan tersebut. Gambar yang dirakam menunjukkan suasana meriah di dalam bilik pertandingan, di mana peserta-peserta sedang bersiap sedia untuk memulakan permainan. Kelihatan juga para peserta dan penganjur sibuk menyusun strategi serta memeriksa peranti masing-masing sebelum pertandingan bermula.



Ketua Program JPK *CUP e-Football*, Hariz Hafie, menyampaikan ucapan tahniah kepada Muhammad Harith Razin atas kejayaan beliau menjuarai pertandingan JPK *CUP e-Football*. Dalam pertandingan sengit yang diadakan di Bilik Gerakan JPK, Muhammad Harith Razin berjaya

menampilkan prestasi cemerlang, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM 80.

Hariz Hafie, dalam ucapannya, menyatakan rasa bangga dan kagum terhadap kemahiran serta dedikasi yang ditunjukkan oleh Muhammad Harith Razin sepanjang pertandingan. "Kejayaan ini bukan sahaja mencerminkan kebolehan Muhammad Harith Razin dalam sukan *e-Football*, tetapi juga semangat juang yang tinggi serta kesungguhan beliau dalam mengharumkan nama kolej," kata Hariz Hafie.

Hariz Hafie juga mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang telah memberikan saingan hebat dan kepada pihak penganjur yang bertungkus lumus memastikan kelancaran acara. "Saya berharap kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk terus berusaha dan berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi," tambahnya lagi.



Pertandingan ini adalah satu daripada inisiatif JPK untuk mempromosikan sukan digital dan memperkukuhkan ikatan antara pelajar. Hariz Hafie menutup ucapannya dengan sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Muhammad Harith Razin dan berharap beliau akan terus maju jaya dalam bidang yang diceburi.

PERMAINAN NOSTALGIA

Mohamad Aliff Suhaimi & Nazratul Nisa Eshak



Pada 12 Mei 2024, Ahad, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah menganjurkan satu program bertemakan Permainan Nostalgia yang berlangsung di Perkarangan Parkir Kolej Puteri Mayang Selida. Program ini bertujuan untuk mengimbau kembali kenangan permainan tradisional yang sering dimainkan oleh generasi terdahulu. Antara permainan yang dipertandingkan adalah capteh, baling selipar, dan galah panjang.

Seramai 30 orang siswi telah mengambil bahagian dalam acara ini. Walaupun penyertaan dari kalangan siswa tidak ada, program ini tetap berlangsung dengan penuh meriah dan mendapat sambutan hangat dari kalangan siswi yang terlibat.



Program ini menampilkan tiga permainan tradisional utama, iaitu Capteh. Capteh merupakan sebuah permainan yang menguji kemahiran dan ketangkasan kaki pemain dalam menimbang capteh. Seterusnya, permainan baling selipar. Permainan yang memerlukan ketepatan balingan dan strategi dalam menjatuhkan selipar. Permainan tradisional yang turut dimainkan ialah galah panjang. Program anjuran JPK ini melibatkan 17 orang ahli jawatankuasa di dalam pelbagai aspek pengurusan dan persiapan program. Kos program yang diluluskan untuk penganjuran ini adalah sebanyak RM390.



Program ini bukan sahaja menghiburkan tetapi juga memberikan peluang kepada para siswa untuk berinteraksi dan merapatkan silaturahim sesama mereka.

Sempena penganjuran program Permainan Nostalgia pada 12 Mei 2024, penutupan jalan di kawasan parkir Kolej Puteri Mayang Selida telah dilaksanakan bagi memastikan keselamatan

dan kelancaran perjalanan program, serta memberikan ruang yang mencukupi bagi pelaksanaan permainan tradisional yang melibatkan pergerakan aktif para peserta.

Secara keseluruhan, Permainan Nostalgia ini telah berjaya mengimbau kenangan permainan tradisional dan mengukuhkan semangat kekitaan dalam kalangan pelajar. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan di masa akan datang dengan lebih banyak penglibatan dan penyertaan dari kalangan warga kolej.

KARISMA XXIX 2024

Muhammad Hakim Abu Bakar & Nur Aqmar Anuar



Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) telah menjadi tuan rumah bagi program Karnival Sukan Mahasiswa (KARISMA) kali ke-29 yang berlangsung dari 26 Februari hingga 4 Mac. Acara tahunan ini berjaya menghimpunkan hampir 1,500 peserta yang terdiri daripada atlet, pegawai dan sukarelawan yang berkampung di UiTM Kampus Seremban sepanjang acara berlangsung.

Tujuan karnival ini diadakan ialah bagi menjadi medan pertempuran yang sihat di antara sesama atlet serta tempat para atlet UiTM untuk menyerlahkan bakat mereka bagi melayakkan mereka mewakili ke peringkat yang lebih tinggi dengan membawa nama UiTM yang merupakan kuasa besar sukan universiti di negara kita ini.



Sepanjang tujuh hari penganjuran, kampus Seremban menjadi tumpuan utama dengan pelbagai aktiviti sukan serta jualan yang diadakan di kampus ini. Antara sukan yang dipertandingkan termasuk bola baling, bola tampar, badminton dan tenis. Sambutan hangat daripada para peserta dan sokongan padu daripada warga kampus serta komuniti setempat telah menjadikan KARISMA kali ini lebih bermakna dan meriah.

Sepanjang program ini, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Kampus Seremban memainkan peranan penting sebagai urusetia penginapan bagi para atlet, pegawai, serta

sukarelawan sepanjang program berlangsung. Sumbangan JPK ini amat dihargai kerana ia memastikan kelancaran pengurusan dan keselesaan para peserta.

Sumbangan organisasi JPK ini bukan hanya mencakupi bidang pengurusan penempatan para peserta seperti proses daftar masuk serta daftar keluar para peserta sepanjang karnival ini berlaku, ia melebihi dari itu seperti bagaimana mereka menyusun kedudukan bilik atlet seadil mungkin bagi mengurangkan berlakunya sebarang isu antara atlet, selain itu juga mereka juga berusaha untuk menghiasi kolej kediaman bagi mewujudkan satu suasana seperti di perkampungan atlet yang meriah dan meraikan ketibaan atlet-atlet seluruh Malaysia.



Turut tidak dilupakan juga ke Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar (URHP) yang merupakan penggerak utama bagi menjayakan proses penempatan para peserta untuk karnival kali ini.



Bagi menambahkan kemeriahan karnival kali ini, salah seorang ahli JPK, Saudari Aqmar binti Anuar merangkap Naib Yang Di Pertua JPK, turut terlibat sebagai atlet tenis yang mewakili UiTMCNS di dalam karnival kali ini, menambahkan lagi kebanggaan kepada komuniti UiTM.

KARISMA kali ke-29 ini juga turut mendapat sokongan daripada pihak pengurusan universiti dan penaja-penaja yang sudi menyumbang kewangan dan membangunkan fasiliti. Selain itu, karnival kali ini turut menjadi platform untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama antara universiti serta masyarakat sekeliling. Kebanyakan tempat pertandingan berada di luar daripada kampus dan membuatkan ianya lebih mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat di sekitar Negeri Sembilan.

Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Aminuddin Harun, yang memberikan ucapan penuh inspirasi kepada semua yang terlibat. Kehadiran beliau memeriahkan lagi suasana dan menyuntik semangat kepada para peserta untuk terus mengharumkan nama institusi keramat ini dan negeri masing-masing.

SUA SAPA SALAM KOLEJ

Nur Husna Hasnan & Nazratul Nisa Eshak

Pada 22 dan 23 April 2024, Pusat Islam Syeikh Haji Ahmad Said UiTM Kampus Seremban menjadi lokasi penting bagi program Sua Sapa Salam Kolej 2024, program inisiatif Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) diketuai oleh Nur Aqmar binti Anuar. Program ini bertujuan memperkenalkan barisan Staf Residen Kolej (SRK) dan JPK kepada para pelajar baru. Selain itu, pelajar turut didedahkan kepada syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi sepanjang tinggal di kolej kediaman. Bahkan, fokus utama program ini adalah penerangan tentang sistem e-merit yang digunakan untuk kelayakan kemasukan ke kolej kediaman pada semester berikutnya.



Taklimat kolej kediaman ini merupakan satu aktiviti wajib bagi semua pelajar yang menerima kemudahan kolej. Program ini diadakan sekali pada setiap semester untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai hal-hal berkaitan pengurusan dan kehidupan di kolej. Program ini juga dapat membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran baru serta memahami peranan dan tanggungjawab mereka sebagai penghuni kolej.

Program ini turut menjadi platform memperkenalkan SRK dan JPK kepada para pelajar baru. Pelajar dapat mengenali individu-individu penting yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal kolej dan membantu mereka sepanjang tempoh pengajian.

Selain itu, pelajar turut didedahkan dengan sistem e-merit yang menentukan kelayakan pelajar untuk terus tinggal di kolej kediaman



pada semester berikutnya. Sistem ini menggalakkan pelajar untuk aktif dan patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan.

Dengan penyertaan aktif pelajar, program ini diharapkan dapat mencapai objektif yang telah digariskan, sekaligus membantu mewujudkan suasana kampus yang lebih teratur dan harmoni. JPK akan terus komited dalam memastikan program-program seumpama ini berjalan lancar demi kesejahteraan pelajar.



LATIHAN KEBAKARAN

Muhammad Hakim Abu Bakar & Nur Izzati Abd Halim Pahmi

Satu latihan kebakaran anjuran bersama pihak konsesi, pejabat Bomba Seremban 2 dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah berjaya dilaksanakan pada 23 Mei 2024. Program ini bertujuan memberikan pendedahan praktikal kepada semua penghuni kolej kediaman mengenai cara-cara mengendalikan alat pemadam kebakaran serta memahami prosedur yang perlu diikuti ketika berlakunya kebakaran.



Program latihan ini merupakan satu langkah proaktif dalam memastikan penghuni kolej lebih bersedia dalam menghadapi sebarang situasi kecemasan yang mungkin berlaku pada masa akan datang. Latihan kebakaran ini tidak memerlukan penggunaan dana, namun ia tetap dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan disokong sepenuhnya oleh pihak Bomba dan Penyelamat Seremban 2. Mereka

memainkan peranan penting dengan mengadakan demonstrasi yang terperinci mengenai cara memadamkan api dengan betul menggunakan alat pemadam api. Para penghuni diberikan peluang untuk terlibat secara langsung dalam latihan praktikal ini. Semua penghuni kolej kediaman dapat melihat sendiri bagaimana alat pemadam api berfungsi serta memahami setiap bahagian dan kegunaannya. Pendedahan ini diharap dapat memberikan keyakinan kepada penghuni untuk bertindak pantas dan tepat sekiranya menghadapi situasi kebakaran yang sebenar.

Sebelum sesi latihan praktikal dilaksanakan, satu sesi taklimat telah diadakan untuk memperincikan prosedur keselamatan yang perlu diikuti semasa kecemasan. Anggota Bomba dan Penyelamat Seremban 2 memberikan penerangan yang jelas tentang langkah-langkah penting yang harus diambil, seperti mengenal pasti laluan kecemasan, penggunaan tangga kecemasan, dan tindakan yang perlu dilakukan sekiranya terperangkap dalam asap tebal. Mereka juga menekankan kepentingan untuk sentiasa bertenang dan tidak panik dalam situasi cemas, kerana tindakan yang betul dapat menyelamatkan nyawa.

Latihan ini juga memberi peluang kepada penghuni untuk bertanya dan mendapatkan penjelasan lanjut daripada anggota bomba tentang sebarang kebimbangan atau kekeliruan yang mungkin timbul. Dengan adanya latihan seperti ini, penghuni kolej bukan sahaja lebih bersedia dari segi fizikal, tetapi juga dari segi mental dalam menghadapi



ancaman kebakaran. Keselamatan adalah aspek yang tidak boleh diambil ringan, dan latihan kebakaran ini diharapkan dapat menanamkan kesedaran yang mendalam dalam kalangan penghuni tentang pentingnya memahami dan mematuhi prosedur keselamatan.

Secara keseluruhan, latihan kebakaran ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Ia bukan sahaja memberikan pengetahuan yang berharga kepada penghuni kolej, tetapi juga memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama antara kolej dan pihak Bomba dan Penyelamat.



Latihan seperti ini perlu diadakan secara berkala bagi memastikan penghuni kolej sentiasa peka dan bersedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan kebakaran pada masa akan datang. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui latihan ini, diharap setiap penghuni akan mampu bertindak dengan bijak dan

cekap dalam menjaga keselamatan diri serta orang sekeliling dalam situasi kecemasan.

JPK BEKPES

Muhammad Zulhilmi Zulkifli, Naz Asyraf Mohammad Nazarul & Nurul Aisyah Mat Yusoff

Pada setiap hari Sabtu, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah melancarkan aktiviti jualan sarapan pagi bertemakan "JPK Bekpes" di hadapan Unit Residensi Dan Hospitaliti Pelajar (URHP) daripada pukul 7.00 pagi hingga 10.00 pagi. Program ini bertujuan untuk mengumpul dana tambahan bagi kelab dan aktiviti yang akan datang, serta untuk mengeratkan hubungan antara penghuni kolej dan komuniti setempat.



Di antara menu yang dijual termasuklah nasi lemak dengan harga RM 1.50, sandwich RM 2.50, serta set "Mix n Match" yang mengandungi tiga pilihan makanan ringan seperti karipap,



donat, dan roti sosej dengan harga RM 2.50 sahaja. Menu ini disusun bagi memastikan harga yang berpatutan, sesuai dengan bajet pelajar, serta memberikan variasi pilihan yang menarik. Setiap minggu, JPK bertugas secara bergilir-gilir untuk menyediakan dan menjual makanan. Ini bukan sahaja memberi peluang kepada mereka untuk belajar menguruskan jualan dan berinteraksi dengan pelajar lain,

tetapi juga memperkuat semangat kerja berpasukan dalam kalangan ahli JPK. Sambutan terhadap "JPK Bekpes" amat memberangsangkan. Setiap minggu, jualan makanan ini habis dijual dalam masa yang singkat. Ini menunjukkan keperluan dan permintaan yang tinggi terhadap jualan makanan yang berpatutan di kolej.

JPK turut merancang untuk menggunakan sebahagian daripada dana yang diperoleh untuk aktiviti kebajikan dan program kemasyarakatan, menjadikan program ini bukan sahaja bermanfaat kepada pelajar kolej tetapi juga kepada komuniti luar. Program ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk mengumpul dana tetapi juga sebagai wadah untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dalam aktiviti kolej dan membina semangat keusahawanan di kalangan mereka.

Berdasarkan gambar yang diambil semasa sesi penjualan, jelas kelihatan komitmen dan kesungguhan para JPK yang bertugas dalam memastikan kelancaran aktiviti ini. Dua JPK yang bertugas pada hari tersebut ialah Aliff dan Nana, yang dibantu oleh beberapa sekretariat JPK. Mereka kelihatan tekun melayani pelanggan dengan menyediakan makanan dan membungkusnya dengan cermat.



Penjualan ini turut menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai melalui kod QR, memudahkan urusan pembelian bagi pelajar yang tidak membawa wang tunai. Dengan pengurusan yang efisien, program ini berjaya menarik minat ramai pelajar yang membeli makanan sebagai sarapan mereka. Inisiatif ini bukan sahaja membantu dalam mengumpul

dana, tetapi juga memperkuat semangat kerjasama antara ahli JPK dan sekretariat yang turut terlibat dalam menjayakan program ini. Kualiti makanan yang dijual juga mendapat pujian daripada pembeli, dengan makanan yang dijual adalah segar dan disediakan dengan rapi. Aliff dan Nana, bersama-sama dengan sekretariat lain, memastikan bahawa kebersihan dan kualiti makanan diutamakan, sekaligus menjadikan program ini mendapat kepercayaan dari pelajar-pelajar kolej. Pelajar yang singgah bukan sahaja membeli makanan, tetapi juga mengambil kesempatan untuk berinteraksi dengan JPK dan mendapatkan maklumat lanjut tentang aktiviti kolej.



Di masa akan datang, JPK bercadang untuk menambah variasi makanan dan minuman yang ditawarkan serta memperluaskan program ini kepada hari-hari lain dalam seminggu. Dengan pengurusan dan komitmen yang berterusan, aktiviti seperti ini diharapkan dapat menjadi sumber dana utama bagi aktiviti di kolej serta memberi manfaat jangka panjang kepada semua pelajar.

JPK *FROSTICK*

Muhammad Zulhilmi Zulkifli, Naz Asyraf Mohammad Nazarul & Nurul Aisyah Mat Yusoff

Setiap Isnin, Rabu, dan Jumaat, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dengan kerjasama Sekretariat JPK menganjurkan jualan aiskrim satu malaysia yang dinamakan **JPK**



FROSTICK. Program ini diadakan berhadapan dengan Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar bermula dari jam 5.30 petang hingga selesai jualan. Dengan harga hanya

flavours	COD RM2
• jagung creamy	RM1.50
• choco coklat	RM1.50
• vanilla oreo	RM1.50
• blue mint oreo	RM1.50
• choco bendung	RM1.50
• vanilla lime	RM1.50
• leici nata	RM1.50
• strawberry oreo	RM1.50
• keledi	RM1.50
• mangga nata	RM1.50

Berhadapan URHP
5:30P.M - 7:00P.M
(Isnin, Rabu & Jumaat)

RM1.50, pelajar-pelajar berpeluang menikmati pelbagai jenis ais krim yang menyegarkan. Menu yang disediakan berubah-ubah mengikut citarasa pelanggan, menjadikannya lebih menarik dan dinamik, sesuai dengan selera pelajar-pelajar dari pelbagai latar belakang.

Jualan ais krim ini bukan sekadar menawarkan makanan penyejuk tekak, tetapi juga merupakan satu inisiatif untuk mengeratkan hubungan antara pelajar kolej dan anggota JPK. Program ini menyediakan platform untuk pelajar berinteraksi dengan lebih mesra di samping menikmati ais krim kegemaran mereka pada waktu petang. Dengan suasana yang santai dan ramah, JPK *FROSTICK* menjadi salah satu aktiviti sosial yang dinanti-nantikan oleh semua pelajar. Pelaksanaan program ini juga



menunjukkan keprihatinan JPK terhadap kesejahteraan pelajar, terutama dari segi menyediakan makanan yang berpatutan serta menyegarkan dalam suasana kolej.

JPK *FROSTICK* bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk menikmati ais krim pada harga yang sangat berpatutan, tetapi juga memperkenalkan satu lagi usaha JPK dalam menggalakkan gaya hidup yang seimbang di kalangan pelajar. Dengan harga yang mesra pelajar, hanya RM1.50 untuk satu aiskrim, ia pasti menjadi pilihan ramai. Kesemua hasil jualan ini juga akan digunakan untuk menampung aktiviti-aktiviti lain yang dirancang oleh JPK, sekaligus memastikan kesinambungan aktiviti pelajar yang bermanfaat di masa hadapan.



Di samping itu, dengan variasi menu yang berubah-ubah mengikut citarasa pelanggan, program ini memberi peluang kepada pelajar untuk merasai pelbagai jenis ais krim yang berbeza pada setiap sesi jualan. Ini menambah daya tarikan program ini, kerana pelajar sentiasa mempunyai sesuatu yang baru untuk dinantikan. Dengan kepelbagaian pilihan yang disediakan, JPK *FROSTICK* memenuhi pelbagai citarasa dan preferensi, menjadikan ia acara yang inklusif dan meriah untuk semua.

Sebagai penutup, JPK *FROSTICK* bukan sahaja sebuah program jualan ais krim biasa, tetapi ia adalah sebuah inisiatif yang memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan di kalangan pelajar UiTM. Dengan pelbagai aktiviti sosial dan interaktif yang dijalankan bersama-sama jualan ini, ia menjadi medium untuk mengukuhkan ikatan di antara pelajar dan mempromosikan suasana kampus yang lebih harmoni. Jangan lepaskan peluang ini untuk merasai sendiri keunikan dan kelazatan ais krim yang disediakan, sambil menyokong usaha-usaha murni JPK dalam memastikan kesejahteraan pelajar terus terjaga.



BAJU KOLEJ SESI MAC 2024

Muhammad Zulhilmi Zulkifli, Naz Asyraf Mohammad Nazarul & Nurul Aisyah Mat Yusoff

Exco keusahawanan & ekonomi dengan sukacitanya ingin memperkenalkan baju kolej untuk sesi mac 2024 yang telah dibuka untuk pra-pesanan. Baju ini direka khas untuk semua warga kolej, dengan ciri-ciri yang elegan dan kemasan yang berkualiti tinggi. Terdapat dua pilihan baju yang boleh dipilih oleh siswa dan siswi iaitu baju berkolar retro dan baju berleher bulat.



Butiran Rekaan

Rekaan depan, Kedua-dua jenis baju menampilkan logo UiTM di bahagian dada sebelah kiri, dengan tulisan “Kolej Bendahara Skudai” dalam kaligrafi khat nasakh bagi baju berkolar retro manakala tulisan “Kolej Mayang Selida” bagi baju berleher bulat. Corak dedaunan menghiasi bahagian bawah baju, memberi sentuhan alam semulajadi yang unik.

Tambahan lagi, bahagian belakang baju menampilkan nombor besar "24" yang mewakili tahun sesi 2024, diikuti oleh “Universiti Teknologi MARA (UiTM)” dalam tulisan khat. Bahagian atas nombor juga dihiasi dengan corak kaligrafi yang sama.

Pilihan Baju

Baju kolej ini didatangkan dengan dua variasi harga iaitu baju berkolar retro berharga RM45, baju ini mempunyai kolar klasik berwarna *cream* yang menambahkan sentuhan nostalgia kepada pemakai. Manakala, baju berleher bulat ditawarkan pada harga RM46, baju ini lebih santai dan sesuai untuk mereka yang mencari keselesaan maksimum.



Pada 31 Mac 2024, bertempat di Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP), telah berlangsung aktiviti penjualan baju rasmi Kolej Sesi 2024 sempena pendaftaran kolej bagi pelajar baharu. Aktiviti ini adalah salah satu inisiatif kolej untuk memupuk semangat kebersamaan dan identiti dalam kalangan pelajar.



Objektif utama penjualan baju ini adalah untuk menyediakan pakaian rasmi kepada pelajar yang akan memulakan sesi akademik baharu. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkenalkan identiti kolej dan memudahkan pelajar mendapatkan pakaian berkualiti yang sesuai dipakai dalam acara rasmi dan aktiviti kolej yang dilakukan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK).

Penjualan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar. Bagi memastikan kelancaran proses, pelajar juga diberi pilihan untuk membuat pesanan secara dalam talian menggunakan kod QR yang disediakan. Ini memudahkan pelajar yang mungkin tidak sempat membuat pembelian semasa pendaftaran.

Penjualan baju kolej di URHP sempena pendaftaran kolej bagi sesi 2024 telah berjalan dengan lancar. Sambutan yang positif menunjukkan minat yang tinggi dalam kalangan pelajar untuk memiliki baju rasmi kolej, yang bukan sahaja menjadi simbol identiti tetapi juga tanda kebersamaan sebagai warga kolej.

Pada 3 Julai 2024 pula, pengagihan baju rasmi Kolej Sesi 2024 telah dijalankan di Bilik Gerakan JPK. Aktiviti ini adalah sebahagian daripada persediaan akhir bagi memastikan semua pelajar yang telah membuat pesanan menerima baju mereka tepat pada waktunya. Pengagihan dilakukan oleh JPK dengan kerjasama beberapa sekretariat JPK. Proses pengagihan dijalankan dengan teratur, di mana pelajar diminta untuk hadir mengikut giliran yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kesesakan.

Proses pengagihan melibatkan langkah-langkah berikut:

1. **Pengesahan Pesanan:** Pelajar diminta untuk mengemukakan resit atau bukti pesanan sebelum menerima baju.

2. **Pengambilan Baju Kolej:** Baju diberikan mengikut saiz yang telah ditempah. Sekiranya terdapat sebarang isu berkaitan saiz, pelajar dibenarkan untuk menukar dengan saiz lain yang masih tersedia.
3. **Pengesahan Penerimaan Baju:** Setelah menerima baju yang dibeli, pelajar atau wakil diminta menandatangani borang pengesahan penerimaan sebagai rekod bahawa baju telah diserahkan.



Secara keseluruhannya, sesi penjualan baju rasmi kolej untuk sesi 2024 berjalan dengan lancar dan teratur. Semua pihak yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memastikan setiap pesanan diuruskan dengan baik. Ini menunjukkan semangat kerjasama dan kepedulian dalam mempersiapkan diri untuk sesi akademik yang akan datang.

PROGRAM TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN

BIL	NAMA PROGRAM	CADANGAN TARIKH	ALASAN / SEBAB
1.	JPK Family Day bersama Permata Al-Khaira	1 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Tidak memberikan manfaat menyeluruh kepada pelajar kolej, manfaat lebih kepada organisasi luar.
2.	Saat Kiamat Menghampiri	12 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Kekurangan implikasi kewangan untuk pembayaran kepada penceramah.
3.	JPK Outreach Zon Selatan (OutSel)	7 - 9 Ogos 2024	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah penyertaan kurang memberangsangkan.
4.	Beach Cleanup	15 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Bertindih dengan tarikh program lain / tarikh tidak sesuai
5.	Sparkling Sanctuary Challenge	16 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Memberi laluan kepada program kolaborasi bersama kelab GPS iaitu program Pertandingan Hias Makanan.
6.	Lawatan Penanda Aras "JPK ON TOP"	15 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Kekangan masa di pihak Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang dan JPK.
7.	Spark Success with Shaffwan	22 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Tidak mendapat maklumbalas daripada pihak panel jemputan.

eISSN 3030-6752



9 773030 675005